




SUARA BANDARAYA

November 1989

ISSN 0128-1194

CHOGM Catat Sejarah Gemilang



Pusat bandar bertukar menjadi alam berwarna-warni di waktu malam.



Dato' Elyas membawa isteri-isteri perwakilan melawat disekitar Taman Orkid.

Dengan berlangsungnya Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dari 18 hingga 24 Oktober lalu, Kuala Lumpur mencatat sejarah gemilang. Ia menjadi tumpuan 49 orang ketua negara, termasuk Ratu Elizabeth, menteri-menteri dan pegawai perjawai dari 14 negara-negara anggota Komanwel, serta beribu orang wartawan asing.

Kersidangan itu berjaya memperkenalkan Malaysia kepada dunia luar, dan negara kita kini menjadi lebih terkenal dan secara langsung dapat membantu industri pelancongan.

DBKL turut memainkan peranan dengan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menambah keindahan dan memastikan kebersihan Kuala Lumpur sebagai daya tarikan kepada para pelawat daripada luar negeri. Dataran Merdeka, Taman Bunga Raya dan Air Terjun Bukit Nanas adalah antara pelbagai tempat menarik yang baru dibina sempena CHOGM.

Jalan-jalan utama dan jalan-jalan protokol di bandaraya telah dihiasi lampu warna-warni dan bunga manggar menjadikan Kuala Lumpur bergemerlapan bermandi cahaya. Antaranya ialah Jalan Tuanku Abdul

Rahman, Jalan Raja Laut, Jalan Raja, Jalan Parlimen, Jalan Sultan Ismail dan Jalan Bukit Bintang.

Isteri-isteri perwakilan telah dibawa melawat Taman Orkid dan Taman Bunga Raya di Taman Tasik Perdana.

Datuk Bandar, Dato' Elyas Omar, juga meraikan para perwakilan dan wartawan asing dalam satu majlis di Ruang Legar DBKL. Mereka dihibur dengan tarian-tarian tradisional dan nyanyian penghibur-penghibur tempatan. ●

SUARA BANDARAYA

EDITORIAL

Penasihat
Abu Bakar Effendie

Editor
Zarina Ahmad Osman

Penolong Editor
Mohamed Hashim Hj. Mohd. Ali
Jennifer Vincent

Jurufoto
Mubarak Mohd. Atan
Abd. Rhani Mohd. Sohor

Pemberita
Wan Abdullah Wan Abd. Ghani
Rosniza Baharum
(Pelatih ITM)

SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana dan karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

Editor
Suara bandaraya Bahagian Hal Ehwal Awam Urusetia Bandaraya Tingkat 6, Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur
Telefon: 2916011 Sambungan 147 / 432 / 122

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Produced by
Shahreen Corporate Communications Sdn Bhd

Printed by:
Microm Sdn. Berhad
26, Jalan Segambut Pusat,
51200 Kuala Lumpur

KANDUNGAN



MUKA SURAT

CHOGM Catat Sejarah Gemilang	1
Dari Meja Datuk Bandar	3
CHOGM: Program Besar-besaran Untuk Pengindahan Bandaraya	4
Hari Penguatkuasa di Taman Tasik Titiwangsa	5
'Garden Shuttle' di Taman Tasik Perdana	6
Peranan Pemandu Teksi Dalam Industri Pelancongan	7
Tindakan Keatas pemilik Bangunan Terbiar	8
Pendingin Udara Untuk Perpustakaan	9
Pustaka Peringatan Kuala Lumpur Terima Sumbangan	10
Datuk Bandar Raikan Wartawan Sukan SEA	12
Malaysia Fest 1989 Cemerlang	14
Kempen Kesihatan Keluarga	16
Tenaga Pesara Masih Diperlukan	17
Penulis Lirik Terbaik Anwar Mohd Zain	
Mohd. Faizi Kekal Pengurus ANULAE	18
Penunggu Setia Bellevue	
Keselamatan Kebakaran Adalah Tanggungjawab Bersama	19
Pelbagaiaktiviti Masjid	20
BKMD Anjur Khitan Beramai-ramai	21
Lawatan Ke Negara-Negara Islam	22
Hari Kebangsaan Disambut Meriah	23
DBKL Meningkatkan Kemudahan-kemudahan Sukan	25
Pemenang Pingat Sukan SEA Dapat Ganjaran	26
Zulkifli Atlit Cemerlang Urusetia	
Ruslan & Hassan Johan Karom Terbuka	27

Dari Meja Datuk Bandar



Rakyat Malaysia dari segenap lapisan hidup bangga dengan berakhirnya sidang puncak Komanwel yang bersejarah di Kuala Lumpur tanpa sebarang cacat-cela. Perancangan yang begitu rapi dan usaha kita selama berbulan-bulan untuk mencantikkan negara sampil ke kemuncaknya bila upacara pembukaan yang gilang-gemilang diadakan pada 18 Oktober, di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.



Taman Orkid, salah satu daripada tempat kunjungan perwakilan CHOGM.

From the Desk of Datuk Bandar

Malaysians of all walks of life stood tall as the historic Commonwealth summit (CHOGM) concluded in Kuala Lumpur, without a hitch. The months of beautifying the country and meticulous planning culminated in the grand opening of this event on October 18, at the Putra World Trade Centre in Kuala Lumpur.

The involvement, the sweat and toll of our people at various levels to ensure the success of CHOGM is greatly appreciated. Our teams worked round the clock to make Kuala Lumpur clean and beautiful...to create a city that will always be etched in the minds of people. Our reward was the high praise received not only by CHOGM delegates but by Malaysians.

We have not made Kuala Lumpur beautiful just for CHOGM or the tourists, we have beautified Kuala Lumpur for all Malaysians. •



Penglibatan, titik-peluh dan penat-lelah orang-orang kita di berbagai peringkat untuk memastikan kejayaan CHOGM sangat dihargai. Pasukan petugas kita bertungkus-lumus, siang dan malam, membersih dan mencantikkan Kuala Lumpur ... untuk mewujudkan sebuah bandaraya yang akan sentiasa dikenang. Ganjaran kita ialah pujian yang diterima bukan sahaja daripada perwakilan CHOGM tetapi juga oleh rakyat Malaysia sendiri.

Kita mengindahkan Kuala Lumpur bukan hanya untuk CHOGM atau pelancong dan lain-lain. Kita mencantikkannya untuk semua rakyat Malaysia. •



More than 800,000 shrubs were planted for CHOGM.



Luminous bunga mangga lighting and thousands of bulbs created a dazzling sight.